



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 25 (18 JUN – 24 JUN 2023)**

Pada Minggu Epidemiologi ke-25 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,582 kes berbanding 2,808 kes pada minggu sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 226 kes (8.0%). Tiada kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-25 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-25 adalah sebanyak 56,721 kes berbanding 23,183 kes bagi tempoh sama tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 33,538 (144.7%). Manakala sejumlah 39 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 16 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.


Bilangan lokaliti hotspot pada minggu ini meningkat dengan sebanyak 130 lokaliti hotspot dilaporkan berbanding 110 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 93 lokaliti berada di Selangor, 22 lokaliti di WPKL & Putrajaya, enam (6) lokaliti di Kedah, masing-masing tiga (3) lokaliti di Pulau Pinang dan Sabah serta masing-masing satu (1) lokaliti di Perlis, Negeri Sembilan dan Pahang.

Tiada kes chikungunya direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-25. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 137 kes. Bagi survei zika, sebanyak 1,461 sampel darah dan 76 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Sempena cuti Hari Raya Aidiladha pastikan tiada bekas-bekas potensi pembiakan Aedes atau struktur yang boleh menakung air di persekitaran premis sebelum pulang ke kampung bekas agar tidak menjadi ancaman Denggi kepada jiran tetangga yang lain. Barang-barang lusuh yang tidak diperlukan seperti perabot lama, akuarium terpakai, tong cat terpakai, pelbagai bekas terpakai dan sebagainya hendaklah di buang secara berhemah atau dilakukan proses kitar semula. Bubuh bahan pembunuhan jentik-jentik di bekas takungan air seperti di tangki pam tandas atau kolah air. Tutup rapat bekas penyimpanan air serta pastikan peralatan dapur seperti penapis air, alas pinggan dan alas pasu dalam keadaan kering. Mencegah lebih efektif daripada mengubati. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN


Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
4 Julai 2023




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam dengan Minggu Epidemiologi ke-25 dan ke-24 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam dengan sehingga Minggu Epidemiologi ke-25 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2023, 2022 dan median 2018-2022



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot dengan Minggu Epidemiologi ke-25 tahun 2023